



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN FAEDAH**  
**KOD KURSUS : DSM3143/DSM3203**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
  - i. Bahagian A mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
  - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Analisislah maksud pampasan dari perspektif pekerja, pandangan global serta persamaan di antara pampasan, faedah dan ganjaran.

(5 markah)

b. Bagaimanakah **dua (2)** teknik ekuiti dalaman dan **dua (2)** teknik ekuiti individu digunakan untuk mentadbir pampasan? Jelaskan.

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Bolehkah anda jelaskan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kekurangan pelan insentif individu?

(10 markah)

b. Bagaimanakah anda mengetahui bahawa sesuatu program faedah dianggap berkesan?

(5 markah)

**SOALAN 3**

a. Huraikan **dua (2)** faedah utama yang disediakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial kepada penjarum.

(5 markah)

b. Secara terperinci, analisislah maksud gaji di bawah Akta Kerja 1955.

(5 markah)

- c. Jelaskan **dua (2)** jenis potongan gaji yang wajib mengikut Akta Pekerjaan tanpa mendapatkan kebenaran pekerja.

(5 markah)

#### SOALAN 4

- a. Kenapakah *Productivity-Linked Wage Systems (PLWS)* diperkenalkan di Malaysia?

(5 markah)

- b. Bolehkan anda jelaskan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kekurangan waktu kerja fleksibel?

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Pengurusan pampasan dan faedah merupakan salah satu teknik terpenting untuk mengekalkan pekerja di dalam organisasi. Bagaimanakah faktor organisasi boleh mempengaruhi pengurusan pampasan dan faedah?

(10 markah)

b. Insentif individu adalah insentif yang paling berkesan dalam meningkatkan prestasi pekerja berbanding insentif berkumpulan. Apakah rancangan insentif individu yang mempengaruhi prestasi pekerja bagi jangka masa pendek?

(10 markah)

**SOALAN 2**

a. Akta Kerja 1955 menyediakan faedah berkanun kepada pekerja dengan tujuan untuk memastikan kewujudan tenaga kerja yang sihat dan produktif. Apakah faedah berkanun bagi cuti berbayar yang wajib disediakan oleh majikan mengikut akta berkenaan? Bincangkan.

(10 markah)

b. Sistem pengurusan gaji mempunyai matlamat untuk menarik perkerja supaya bekerja di organisasi serta memotivasikan pekerja untuk melaksanakan kerja dengan berkesan. Bagaimanakah pengurusan gaji bagi *piece-rated system* boleh memotivasikan pakerja untuk kekal dalam organisasi?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

